

27/08/2003

Sultanah Kedah mangkat selepas seminggu gering

Johari Ibrahim; Faiza Zainuddin

ALOR STAR: Sultanah Kedah Tuanku Bahiyah Tuanku Abdul Rahman mangkat di Istana Kuala Chegar, Anak Bukit di sini, pada jam 12.23 tengah hari semalam, selepas seminggu gering.

Pengumuman kemangkatan baginda dibuat oleh Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain di Wisma Darulaman kira-kira jam 2.10 petang, semalam. Kerajaan negeri mengumumkan hari ini sebagai cuti umum bagi negeri Kedah.

Tuanku Bahiyah, 73, adalah puteri sulung kepada Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Abdul Rahman Tuanku Muhammad yang juga Yang di-Pertuan Agong pertama.

Almarhumah meninggalkan dua puteri, Tunku Soraya, 43, dan Tunku Intan Safinaz, 37 dan lima cucu. Seorang lagi puteri baginda yang juga pasangan kembar kepada Tunku Soraya, Tunku Sarina, mangkat pada 31 Ogos 1991.

Syed Razak berkata, kerajaan negeri menetapkan tempoh berkabung selama tujuh hari bermula semalam sehingga 1 September.

Dalam tempoh itu, semua bentuk hiburan, keramaian dan perayaan dibatalkan, manakala semua rakyat beragama Islam diminta memakai songkok dengan lilitan putih dan bukan Islam memakai lilitan kain putih di lengan kiri.

Selain itu, semua bendera negeri, Persekutuan dan lain-lain dikibarkan separuh tiang selama tujuh hari mulai semalam.

Bahagian Istiadat dan Urus Setia Persidangan Antarabangsa Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya pula mengumumkan, atas titah perintah Yang di-Pertuan Agong, semua bendera di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya dikibarkan separuh tiang sehingga jenazah Almarhumah dimakamkan.

Syed Razak berkata, jenazah Almarhumah Sultanah Kedah akan disemayamkan di Dewan Penghadapan Istana Anak Bukit di sini bagi penghormatan terakhir mulai jam 9 pagi hingga jam 12.50 tengah hari ini.

Jenazah Almarhumah akan disembahyangkan di Istana Anak Bukit pada jam 12.50 tengah hari, sebelum disemadikan di Makam Diraja Langgar pada jam 2.30 petang.

Kerajaan negeri menetapkan masa memberi penghormatan terakhir untuk orang ramai dari jam 9 pagi hingga 11 pagi diikuti jam 11 pagi hingga 12 tengah hari bagi wakil-wakil kerajaan negeri dan ketua-ketua jabatan.

Raja-raja pula akan memberi penghormatan terakhir antara jam 12 hingga 12.50 tengah hari. Jenazah Almarhumah Sultanah Kedah akan dibawa ke Makam Diraja Langgar melalui Lebuhraya Darulaman, Jalan Sultanah dan Jalan Langgar.

Orang ramai yang mahu memberi penghormatan terakhir kepada jenazah Almarhumah diminta berpakaian sopan.

Syed Razak berkata, 73 das tembakan meriam akan dilepaskan di Makam Diraja Langgar ketika istiadat pemakaman. Sebanyak 17 das tembakan meriam dilepaskan sebaik saja Menteri Besar membuat pengumuman mengenai kemangkatan Almarhumah Sultanah Kedah.

Beliau juga berkata, sambutan Hari Kebangsaan peringkat negeri yang dijadual berlangsung di Medan Tunku pada 31 Ogos ini di sini dibatalkan manakala sambutan bagi acara lain ditangguhkan ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian, selepas tempoh berkabung.

Katanya, kemangkatan Almarhumah Sultanah Kedah telah dimaklumkan kepada Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja untuk makluman kesemua Sultan dan Raja di

negeri-negeri lain.

Antara kenamaan yang awal menziarahi jenazah Almarhumah di Istana Kuala Chegar semalam ialah Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Ja'afar Tuanku Abdul Rahman yang juga adinda Almarhumah; Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda serta isteri Tengku Mahkota Johor, Raja Zarith Sofiah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini petang semalam, diikuti Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam tadi. Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja dijangka tiba hari ini untuk memberi penghormatan terakhir.